

Bayi 'lemas' dipeluk penagih elak dicekup

30 September 2019

Bayi 'lemas' dipeluk penagih elak dicekup

Oleh **KAMARUDIN HAMZAH**
pengarang@utusan.com.my

■ **BESUT 29 SEPT.**

SEBORANG bayi berusia 16 bulan nyaris maut akibat dipeluk erat bapanya dipercayai seorang penagih dadah bagi mengelak ditangkap pihak berkuasa dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Jabi dekat sini malam tadi.

Bagaimanapun mangsa yang dalam keadaan lemah dan lemas itu berjaya diselamatkan anggota Unit Penguatkuasaan dan Keselamatan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Besut.

Tindakan pantas anggota AADK yang diketuai Yusmadi Jusoh itu berjaya memujuk lelaki berumur 25 tahun itu sebelum melepaskan anak sulung-

nya itu dari dakapan.

Ketua Pegawai AADK Besut, Noor Hafizza Mat Zin berkata, ketika itu, keadaan bayi itu didapati sukar bergerak dan dipercayai lemas dan lemah setelah dipeluk erat oleh bapanya agar terlepas daripada ditangkap.

Beliau berkata, anggota AADK berjaya memujuk dan 'menyelamatkan' bayi tersebut sebelum diserahkan kepada ibunya yang turut berada di rumah tersebut.

"Hasil ujian air kencing, penagih yang bekerja sebagai penanam padi itu didapati positif pil kuda dan syabu. Dia juga mengaku menagih sejak enam tahun lalu selain mengambil empat biji pil methamphetamine setiap hari," katanya ketika ditemui di Pejabat AADK Besut di sini hari ini.

Noor Hafizza berkata, dalam

Op Cegah yang bermula pukul 3 pagi dan berakhir 12 tengah hari ini, seramai lima penagih berumur antara 15 hingga 40 tahun termasuk penanam padi terabit berjaya diberkas.

"Seorang bekas pelajar berumur 15 tahun didapati lama tidak hadir ke sekolah dan dia didapati positif pil kuda serta mengaku baharu enam bulan terlibat dengan dadah kerana pengaruh kawan.

"Kesemua yang ditahan disiasat di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 Pindaan 1998," katanya.

Menurutnya, bekas pelajar itu kini ditahan 24 jam di lokap Balai Polis Kuala Besut manakala empat lagi ditahan di lokap AADK sementara menunggu proses re-



LIMA penagih dadah diberkas dalam Op Cegah di Besut, Terengganu, malam semalam.